

KEJOHANAN RAGBI ANTARA SEKSYEN PU BUTTERWORTH

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1799-kejohanan-ragbi-antara-seksyen-pu-butterworth

BUTTERWORTH, 14 Apr 17 – Pangkalan Udara Butterworth telah menganjurkan Kejohanan Ragbi Antara Seksyen di Padang Ragbi Pangkalan. Kejohanan yang berlangsung pada 13 hingga 14 April 2017 ini merupakan acara sukan bagi kalender sukan tahunan pangkalan tahun 2017.

Sebanyak 9 pasukan terdiri dari semua skuadron dan cawang di Pangkalan Udara Butterworth telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini. No.3 Skuadron telah dinobatkan sebagai johan kejohanan ini setelah menumpaskan Cawang Material manakala No.18 Skuadron mendapat tempat ke-3.

Pegawai Eksekutif Pangkalan, Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM turut hadir ke kejohanan itu bagi menyempurnakan acara penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang.

